KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# “KERATAN AKHBAR KESUMA”

## RABU
## 23 OKTOBER 2024

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | Utusan Malaysia |
|---|---|
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Dalam Negeri |
| Muka Surat | 5 |

Utusan Malaysia — PEMIKIRAN BAHARU



# Dasar Gaji Progresif perlu masa

Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA
norizati.isa@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kenaikan gaji yang tidak diterjemah dalam bentuk peningkatan produktiviti, sebaliknya dilihat menjadi bebanan kepada syarikat adalah antara alasan syarikat tidak mengambil bahagian dalam Dasar Gaji Progresif (DGP).

Selain itu, sebahagian besar syarikat di negara ini berada dalam kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang masih bergantung kepada bantuan kerajaan seperti subsidi dan insentif kewangan.

Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, situasi itu menjadikan pelaksanaan DGP dan gaji minimum yang dicadangkan kerajaan berdepan tentangan besar daripada pihak industri.

> **Jika semua atau majoriti syarikat dalam industri tersebut melakukan gaji progresif secara serentak, pelaksanaannya mungkin lebih mudah."**
>
> AIMI ZULHAZMI ABDUL RASHID

"Mereka perlukan lebih banyak masa untuk menyesuaikan kewangan mereka dan mempersiapkan strategi yang tepat sebelum melaksanakan kenaikan gaji. Tanpa bantuan tambahan seperti geran atau pelepasan cukai, mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk menampung kos tambahan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Media sebelum ini melaporkan kerajaan tidak akan memaksa mana-mana syarikat yang memilih untuk tidak menyertai DGP berikutan ia bersifat sukarela.

Kerajaan melalui Belanjawan 2025 memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk pelaksanaan dasar gaji tersebut yang akan memberikan manfaat kepada 50,000 pekerja.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, terdapat syarikat yang sukar melaksanakan DGP disebabkan model perniagaan atau industri mereka sangat kompetitif.

Katanya, dalam situasi ini, gaji pekerja sering dianggap sebagai kos yang perlu diselaraskan dengan pesaing lain.

"Jika semua atau majoriti syarikat dalam industri tersebut melakukan gaji progresif secara serentak, pelaksanaannya mungkin lebih mudah.

"Namun, perkara ini bukanlah semudah yang disangka kerana persaingan sengit yang berasaskan kawalan kos," jelasnya.

Tambah beliau, kegagalan mematuhi dasar gaji bukanlah tanda kelemahan, tetapi lebih kepada kebiasaan apabila dasar baru diperkenalkan.

"Penerimaan dan pelaksanaan dasar bergantung kepada kesesuaian tempoh masa yang diberikan. Syarikat perlu ruang untuk membuat penyesuaian sewajarnya dan kerajaan perlu memainkan peranan menyokong majikan menyesuaikan diri dengan dasar baharu ini," katanya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Selangor, Mohd Azli Md. Yusof berkata, kerajaan perlu mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh dewan-dewan perniagaan dalam membantu 'menutup jurang' antara pihak berkepentingan dan memastikan dasar yang diperkenalkan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Jelas beliau, memang diakui majoriti syarikat tidak mengambil peluang daripada insentif yang diperkenalkan kerajaan.

"Namun, tidak wajar untuk menyalahkan syarikat sematamata kerana kajian lebih menyeluruh perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah sebenar dan tindakan perlu diambil oleh semua pemegang taruh untuk menangani isu tersebut dengan lebih baik," jelasnya.

# Gaji tidak setimpal punca belia berhijrah

**PETALING JAYA:** Kegagalan majikan di Perlis, Kelantan dan Sabah melaksanakan gaji minimum RM1,700 seperti diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2025, boleh mengakibatkan lebih ramai belia negeri berkenaan berhijrah ke negeri lain.

Mentaliti majikan dan alasan lapuk tiada kemampuan untuk melaksanakan gaji minimum menjadi penyumbang negeri terbabit ditinggalkan golongan belia yang mencari peluang lebih baik.

Kegagalan majikan untuk melaksanakan gaji minimum itu juga akan mengakibatkan jurang kemiskinan di negeri tersebut semakin melebar.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (INCEIF), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, setiap majikan harus menghapuskan mentaliti bahawa mereka tidak mampu untuk meningkatkan kadar gaji minimum kepada pekerja.

Menurut beliau, ketidakupayaan majikan untuk meningkatkan gaji minimum akan menyebabkan rakyat berhijrah.

"Penghijrahan lebih besar akan menyebabkan negeri-negeri itu mengalami kekurangan tenaga kerja dan ketinggalan lebih jauh berbanding negeri lain," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Untuk rekod, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Sabah merupakan negeri termiskin di Malaysia dengan kadar kemiskinan pada 19.7 peratus, Kelantan di tangga kedua dengan 13.2 peratus manakala Perlis empat peratus.

Terdahulu akhbar melaporkan, majikan di tiga negeri tidak bersedia melaksanakan gaji minimum RM1,700 kerana pertumbuhan ekonomi dan ekosistem perniagaan yang belum kukuh untuk menampung kenaikan sebanyak RM200 bagi setiap pekerja itu.

Majikan di Perlis serta Kelantan dijangka terkesan dengan pelaksanaannya berikutan saiz negeri yang kecil dan kos sara hidup rendah manakala di Sabah ekoran masalah kos bahan mentah yang jauh lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Dalam pada itu, Pakar Ekonomi Putra Business School, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, pihak majikan haruslah mempertimbangkan tentang kenaikan gaji minimum bagi meringankan beban pekerja yang semakin meningkat akibat inflasi dan tekanan ekonomi.

"Majikan mestilah bertanggungjawab untuk mematuhi kadar gaji minimum yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

"Mereka tidak haruslah berkira dalam berkongsi keuntungan perniagaan dengan pekerja. Peningkatan kadar gaji juga mampu meningkatkan produktiviti setiap pekerja," katanya.

## Bimbang dibuang kerja, risau dilabel sebagai gila

# Pekerja 'takut' bincang isu mental


Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA
norizati.isa@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Isu kesihatan mental di tempat kerja masih dilihat sebagai perkara sensitif untuk dibincangkan dengan hanya 55 peratus pekerja di negara ini berasa selesa memberitahu pihak pengurusan mengenai masalah yang mereka hadapi.

Menurut laporan *Employment Hero*, peraturan tersebut membangkitkan kebimbangan terhadap kesihatan mental di tempat kerja kerana ia dilihat masih menghalang pekerja daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan.

Malah, 30 peratus pekerja mendapati tekanan kewangan dan peningkatan kos sara hidup sebagai punca utama mereka berdepan masalah keletihan melampau yang mendorong kepada masalah kesihatan mental.

Berdasarkan laporan *Business Today*, 50 peratus pekerja menyatakan majikan menyokong inisiatif kesihatan mental manakala 49 peratus masih bimbang pendedahan mengenai isu berkenaan mungkin membawa kesan negatif seperti halangan dalam kerjaya atau penilaian negatif daripada rakan sekerja.

> "Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja."
>
> SHAZLI EZZAT GHAZALI

Selain itu, 68 peratus pekerja Melayu berisiko menghadapi tekanan mental di tempat kerja, diikuti Cina (25 peratus) manakala India (7 peratus).

Pakar psikologi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr. Shazli Ezzat Ghazali berkata, peningkatan gangguan kesihatan mental adalah disebabkan beban kerja berlebihan, tekanan masa, ketidakstabilan pekerjaan dan kurangnya keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi.

Menurutnya, tekanan peribadi dihadapi di luar tempat kerja mungkin terbawa-bawa ke dalam persekitaran kerja memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan ketidakmampuan pekerja mengurusnya.

Jelasnya, fenomena *fear of missing out* (FOMO) atau ketakutan untuk terlepas peluang semakin menjadi isu di tempat kerja sekali gus menyebabkan peningkatan tekanan mental dalam kalangan pekerja.

"Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja.

"Tekanan tidak terkawal boleh menyebabkan kebimbangan dan keletihan mental. Hubungan rakan sekerja yang tegang boleh menambah lagi tekanan manakala beban tugas terlalu tinggi atau tidak realistik boleh membawa kepada keletihan emosi dan fizikal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan satu daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Laporan *Jobstreet by Seek 2024* mendedahkan 18 peratus pekerja mengkategorikan tempat kerja sebagai 'sangat tertekan' dengan industri perkhidmatan pengguna sebagai paling tertekan, diikuti peruncitan dan perdagangan.

Menurut laporan itu, punca utama tekanan termasuk beban kerja yang berat (37 peratus), kekurangan latihan atau sokongan (30 peratus) dan tekanan tinggi daripada pihak pengurusan atau persekitaran yang perlukan kepantasan dalam melakukan kerja (29 peratus).

Mengulas lanjut, Shazli berkata, isu kesihatan mental turut berpunca daripada ketidakupayaan pekerja untuk melaksanakan tugas disebabkan oleh ketidakserasian dengan pekerjaan atau kekurangan kemahiran.

"Kes buli di tempat kerja juga antara faktor berlakunya masalah kesihatan mental. Individu yang pernah dibuli atau berasa lemah cenderung membuli orang lain sebagai cara menutup kelemahan diri mereka.

"Tekanan yang timbul daripada gaya hidup moden dan penggunaan media sosial turut menyumbang kepada masalah mental yang mana pekerja mula membandingkan diri dengan orang lain," jelasnya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), satu daripada 10 pekerja mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan kronik, kebimbangan atau kemurungan.

Menjelang 2030, masalah kesihatan mental berisiko menjadi penyakit kedua terbesar selepas penyakit jantung jika tiada program pencegahan yang efektif dilaksanakan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | Utusan Malaysia |
|---|---|
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Dalam Negeri |
| Muka Surat | 12 |

PEMIKIRAN BAHARU Utusan Malaysia



# Malaysia bakal jadi destinasi PATI?

Oleh FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia dijangka menjadi destinasi utama pendatang asing tanpa izin (PATI) susulan keputusan kerajaan untuk terus membekukan pengambilan pekerja asing sedangkan permintaan di pasaran khususnya sektor 3D (bahaya, kotor, sukar) masih tinggi.

Bagi menangani isu kebanjiran PATI disebabkan peluang pekerjaan yang tidak diisi oleh rakyat tempatan, kerajaan digesa untuk mengkaji semula kuota 15 peratus penggajian pekerja asing di negara ini.

Presiden Persatuan Agensi Pekerjaan Malaysia, Datuk Foo Yong Hooi berkata, kuota ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu 15 peratus pekerja asing daripada keseluruhan guna tenaga kerja negara sudah tidak lagi praktikal.

Menurut beliau, ini kerana permintaan tenaga kerja asing di negara masih tinggi sejak kerajaan membekukan pengambilan pekerja asing pada tahun 2022.

"Kebanyakan pekerja asing yang sah sudah pulang ke negara asal masing-masing apabila tempohnya tamat, tetapi majikan tidak dapat mengambil pekerja baharu kerana kuotanya dibekukan oleh kerajaan sejak dua tahun lalu.

"Hal ini menyebabkan majikan yang sangat memerlukan tenaga kerja terpaksa menggajikan PATI bagi menampung kekurangan tenaga kerja dihadapi mereka.

"Ini membuktikan bahawa kuota 15 peratus atau 2.5 juta pekerja asing tidak mencukupi. Jadi sudah tiba masanya, kerajaan mengkaji semula kuota tersebut, jika tidak ia akan menjadi penyumbang kepada kemasukan PATI ke negara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengumumkan kerajaan mengekalkan keputusan pembekuan permohonan kuota penggajian pekerja asing sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Beliau berkata, jumlah pekerja asing dalam negara dipandu oleh ketetapan Kementerian Ekonomi dalam RMK12 iaitu sebanyak 15 peratus daripada keseluruhan guna tenaga kerja dalam negara.

Namun, jumlah pekerja asing dalam negara setakat 15 September lalu telah menghampiri jumlah siling yang ditetapkan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) Datuk Azman Yusoff berkata, pembekuan pengambilan pekerja asing mengakibatkan sektor pembinaan dan pengilangan terpaksa menghadapi kekurangan kira-kira 15,000 tenaga kerja asing.

Katanya, sektor-sektor tertentu yang sangat memerlukan pekerja asing, seperti perladangan dan pembinaan, mungkin akan terkesan secara negatif dalam jangka pendek.

"Oleh itu, kerajaan perlu memperkenalkan inisiatif untuk melatih pekerja tempatan dan menyediakan insentif kepada majikan bagi menarik lebih ramai pekerja tempatan.

"Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sangat membantu untuk jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing tetapi cabarannya adalah pekerja tempatan belum bersedia menyertai sektor 3D," katanya.

# Pastikan majikan laksana gaji minimum RM1,700

**MAJLIS** Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) menyambut baik pengumuman kenaikan kadar gaji minimum sebanyak RM200 berbanding kadar semasa RM1,500 sebulan sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Belanjawan 2025.

Jumlah kenaikan itu mencerminkan usaha kerajaan dalam sentiasa menitikberatkan aspek pendapatan rakyat, yang menjadi tunjang ke arah kehidupan lebih baik lagi berkualiti.

UNI-MLC berpandangan kenaikan sebanyak RM200 itu juga patut disambut dengan baik oleh majikan dalam meningkatkan martabat pekerja.

Ini kerana kita perlu mengambil pendekatan harmoni dan sejahtera bagi terus membaiki taraf hidup pekerja yang merupakan anggota penting dalam ekosistem negara. Kita faham hakikat majikan menjalankan perniagaan demi keuntungan, tetapi pada masa yang sama harus berkongsi sebahagian keuntungan bersama pekerja masing-masing.

Prinsip dan semangat ini harus dicerminkan dengan merealisasikan gaji minimum terbaharu yang diumumkan menerusi Belanjawan 2025. UNI-MLC menggalakkan jika majikan bersedia untuk menawarkan gaji lebih baik berbanding gaji minimum RM1,700 yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2025.

UNI-MLC yakin bahawa sebagaimana disebutkan oleh Anwar, penstrukturan ekonomi hanya akan dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa. Oleh itu, pendekatan penguatkuasaan juga akan dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan dasar terbaharu gaji minimum.

UNI-MLC juga menyambut baik pengumuman Kementerian Sumber Manusia juga akan menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja. Ia memperlihatkan pendekatan kepimpinan Kementerian Sumber Manusia di bawah Steven Sim.

Secara keseluruhannya UNI-MLC menyambut insentif-insentif yang diumumkan kerajaan bagi pekerja sektor awam dan sektor swasta.

Semoga akan membawa manfaat menyeluruh menjelang Malaysia mencapai taraf negara berpendapatan tinggi.

**DATUK MOHAMED SHAFIE BP MAMMAL**
Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC)



**KENAIKAN** sebanyak RM200 juga patut disambut dengan baik oleh majikan dalam meningkatkan martabat pekerja.

Forum

# Kontraktor pembersihan pasti terbeban tahun depan

**PERSATUAN** Pengurusan Pembersihan Malaysia (MACM) kecewa dengan Belanjawan 2025 khususnya berkaitan kenaikan gaji minimum, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja asing dan perlaksanaan levi pelbagai peringkat.

Kenaikan gaji minimum sebanyak 13 peratus dari RM1,500 ke RM1,700 akan menyebabkan kos operasi kontraktor pembersihan meningkat 11 peratus. Secara puratanya keuntungan kasar termasuk peruntukan pengurusan dan pentadbiran hanya 10 peratus dari harga kontrak. Ini bermakna kontraktor akan mengalami kerugian satu peratus, belum lagi di tolak kos pengurusan dan pentadbiran.

Secara dasarnya MACM tidak menolak kenaikan gaji minimum. Kenaikan tersebut sepatutnya dikongsi dengan pihak pelanggan dan tidak dibebankan kepada kontraktor, tanpa penyelarasan harga kontrak berdasarkan kenaikan gaji minimum.

Pada masa yang sama, pelaksanaan levi pelbagai peringkat turut membebankan kontraktor pembersihan yang bergantung kepada tenaga pekerja asing. Kerajaan perlu sedar sektor pembersihan di kategorikan sebagai 4D (kotor, sukar, bahaya dan merendahkan) yang dijauhi pekerja-pekerja tempatan.

Peningkatan taraf pendidikan rakyat tempatan termasuk peluang memperoleh sijil kemahiran dari pelbagai institusi pendidikan menyebabkan semakin sukar untuk mendapatkan pekerja yang memilih untuk pekerjaan setaraf dengan kelulusan atau sijil yang dimiliki.

Anggapan bahawa kontraktor lebih memilih pekerja asing untuk menjimatkan kos, adalah jauh dari fakta sebenar. Kontraktor perlu membayar levi dan lain-lain kos pengambilan tidak kurang dari RM2,500 bagi setiap seorang pekerja asing, tidak termasuk keperluan mematuhi Akta 446, iaitu menyediakan penginapan dan keperluan asas pekerja. Jika dulu kontraktor tidak perlu mencarum KWSP untuk pekerja asing, Belanjawan 2025 menjadikan caruman pekerja asing wajib.

Levi pelbagai peringkat bermakna bagi setiap pekerja asing yang diambil melebihi nisbah yang ditetapkan, kontraktor perlu membayar levi yang lebih tinggi dari RM1,850. Bagi sektor pembersihan yang bergantung hampir 100 peratus kepada pekerja asing khususnya di bandar-bandar utama, adalah sukar untuk mendapatkan pekerja tempatan yang mencukupi bagi memenuhi nisbah yang ditetapkan. Ini bermakna kontraktor akan menggunakan pekerja asing melebihi nisbah dan terpaksa membayar levi yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya Belanjawan 2025 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah baik untuk pembangunan negara, hanya perlu memahami dan memberi perhatian kepada kekangan yang dihadapi oleh sektor pembersihan. Kontraktor pembersihan berkorban untuk kebersihan negara dan keselamatan, kesihatan serta keselesaan rakyatnya, tetapi jangan dijadikan kami korban peraturan yang membebankan.

**NORUDDIN IDRIS**
Presiden Persatuan Pengurusan Pembersihan Malaysia (MACM)




**KENAIKAN** gaji minimum sebanyak 13 peratus akan menyebabkan kos operasi kontraktor pembersihan meningkat 11 peratus.

| Akhbar | Utusan Malaysia |
|---|---|
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Utusan Pelajar |
| Muka Surat | 28 |



**MEMO LUAR PAGAR**



# Sokong gaji premium graduan TVET dengan jaminan kualiti institusi latihan

Oleh MOHAMMAD RIZAN HASSAN
projekbeliamahir@gmail.com

PERTUBUHAN Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR) menyambut baik pengumuman penetapan gaji premium kepada lepasan bidang itu pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000 oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Dr. Ahmad Zahid Hamidi selepas beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) dan perasmian sesi libat urusn 66 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat swasta bersama 12 kementerian TVET baru-baru ini.

Pelaksanaan gaji premium untuk graduan TVET mempunyai beberapa implikasi positif.

Pertama, ia menangani isu kekurangan kemahiran yang berlaku dalam pelbagai industri dengan memotivasikan lebih ramai individu untuk mendaftar dalam program TVET dan membangunkan kecekapan yang diperlukan oleh majikan.

Di samping itu, gaji premium menyumbang kepada peningkatan keseluruhan kualiti pendidikan TVET, kerana ia berfungsi sebagai ganjaran ketara untuk pelajar dan institusi yang mengutamakan kecemerlangan dalam latihan.

Tambahan pula, gaji premium untuk graduan TVET meningkatkan persepsi pekerjaan teknikal dan vokasional, menonjolkan nilai dan kepentingan pekerja mahir dalam pasaran kerja yang kompetitif masa kini.

Dengan mengiktiraf dan memberi ganjaran kepakaran yang diperoleh melalui program TVET, majikan bukan sahaja menarik bakat terbaik tetapi juga menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran.

Namun pada masa yang sama, jaminan kualiti di Institusi Latihan TVET awam atau swasta perlu memainkan peranan penting dalam memastikan graduan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dalam pasaran kompetitif hari ini.

Majikan sentiasa mencari calon yang terlatih yang boleh menyumbang secara berkesan kepada organisasi mereka.

Langkah-langkah jaminan kualiti dalam institusi TVET termasuk pembangunan kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri, ahli fakulti yang berpengalaman, kemudahan latihan terkini dan perkongsian industri untuk peluang latihan secara langsung.

Dengan melabur dalam jaminan kualiti graduan TVET, kedua-dua pelajar dan majikan mendapat manfaat daripada situasi menang-menang di mana graduan diberi ganjaran dengan gaji premium dan industri memperoleh profesional mahir untuk memacu pertumbuhan dan inovasi.

MOHAMMAD RIZAN HASSAN ialah Setiausaha Agung, Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR).

# Tukang kasut rayu bantuan Perkeso

**JERANTUT:** Seorang tukang kasut yang juga pemegang kad orang kurang upaya (OKU) kecewa kerana gagal memperoleh elaun atau bantuan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) walaupun dua kali memohon pada 2021 dan 2022.

Abdul Shariff Jamaludin, 48, berkata, permohonan dibuat setelah dia menjalani rawatan membuang dua jari kaki kanan akibat komplikasi penyakit kencing manis.

"Saya hairan kenapa tidak memperoleh faedah bantuan ini sedangkan ketika bekerja sebagai pemandu kepada bekas Ahli Parlimen Jerantut selama 10 tahun ada dibuat caruman Perkeso.

"Pada 27 Januari 2021, saya menjalani rawatan membuang dua jari kaki kanan akibat komplikasi penyakit kencing manis dan lanjutan kes rawatan tersebut, saya memohon bantuan Perkeso Temerloh pada 25 April 2021 dan 11 Januari 2022. Namun jawapan yang diberikan saya tidak layak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Abdul Shariff berkata, pembedahan lutut dan dua jari kaki kiri dipotong memberi kesan dalam kehidupannya apabila tidak mampu berjalan dalam jarak jauh, menaiki tangga atau tempat tinggi dan kerap berasa lemah ketika melakukan kerja berat.

"Setiap hari, saya gagahi datang ke kedai untuk membaiki kasut pelanggan berdekatan Terminal Bas Baharu bandar ini bagi memperoleh pendapatan kira-kira RM700 sebulan," katanya.

Menurutnya, dia berdepan kesempitan wang setiap bulan apabila menanggung seorang anak yang masih belajar di tingkatan enam dan dua di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melibatkan perbelanjaan RM2,500 sebulan termasuk bagi membeli barang keperluan dapur serta bayaran bil.

"Saya berterima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana memberikan bantuan bulanan RM350 menerusi pemberian kad OKU dapatlah berbelanja membeli ubat untuk meredakan kesakitan di kaki kiri," katanya.



**ABDUL Shariff Jamaludin yang kehilangan dua jari kaki kiri akibat komplikasi kencing manis membaiki kasut di Terminal Bas Baharu Jerantut di Jerantut, Pahang.**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Utusan Malaysia** |
| **Tarikh** | **23 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Dalam Negeri** |
| **Muka Surat** | **35** |

# Kenaikan gaji minimum beri kesan kepada harga barang

**KANGAR:** Kenaikan gaji minimum sehingga RM1,700 yang disifatkan sebagai keputusan mengejut dijangka memberi kesan kepada kenaikan harga barangan antara 20 sehingga 30 peratus menjelang tahun depan

Antara sektor yang dijangka mengalami kenaikan harga barangan tersebut seperti makanan, binaan, pengangkutan, borong, peruncitan dan pelbagai lagi dengan situasi berkenaan sukar dielak kerana majikan juga terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi khususnya di negeri-negeri luar bandar ini.

Malah di Perlis, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tiong Hwa negeri menjangkakan antara 40 ke 50 majikan bakal gulung tikar dengan pelaksanaan gaji minimum RM1,700.

Pengerusinya, Koay Chee Khoon berkata, majikan khususnya di Perlis yang kebanyakan secara kecil-kecilan sahaja antaranya terpaksa mengalami peningkatan kos membayar gaji antara 20 peratus.

Katanya, jika pekerja baru contohnya dibayar gaji minimum RM1,700 sudah pasti pekerja separa mahir dan mahir yang lama berkhidmat akan mahu



KOAY CHEE KHOON

gaji ditingkatkan juga sekurang-kurangnya sehingga 30 peratus bagi turut sama memberi keadilan kepada mereka.

Selain itu, katanya, risiko mengurangkan tenaga kerja juga tidak mustahil berlaku kepada majikan bagi mengurangkan kos.

"Kalau boleh pelaksanaan gaji minimum tersebut dilaksanakan secara berperingkat contohnya peningkatan RM50 atau RM100 terlebih dahulu memandangkan sebelum ini juga sudah ada peningkatan gaji minimum," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, majikan di tiga negeri tidak bersedia melaksanakan gaji minimum RM1,700 kerana pertumbuhan ekonomi dan ekosistem perniagaan yang belum kukuh untuk menampung kenaikan sebanyak RM200.

Majikan dan peniaga di Perlis serta Kelantan dijangka terkesan dengan pelaksanaannya berikutan saiz negeri yang kecil dan kos sara hidup rendah manakala di Sabah ekoran masalah kos bahan mentah yang jauh lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan gaji minimum RM1,700 bakal berkuat kuasa mulai 1 Februari depan bagi majikan yang mempunyai lima pekerja atau lebih sebagaimana diumumkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025, Jumaat lalu.

Tambah Chee Khoon, pelaksanaan gaji minimum tersebut dicadang dilaksanakan mengikut pengkelasan di negeri-negeri besar.

Katanya, di Perlis contohnya, majikan secara mikro atau kecil-kecilan sahaja yang terpaksa menanggung kos lebih tinggi dengan pelaksanaan gaji minimum tersebut.

# Caruman mandatori KWSP pekerja asing 'jerat' PMKS

**PETALING JAYA:** Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta) menyifatkan caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas pekerja asing seperti penalti berganda kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Presidennya, William Ng berkata, selain dipaksa membayar caruman KWSP untuk tenaga kerja bukan warganegara, PMKS juga perlu membayar gaji minimum RM 1,700.

"Ini akan membebankan perniagaan, terutamanya PMKS yang sememangnya memiliki margin keuntungan yang tipis.

"Caruman 13 peratus ke atas RM 1,700 untuk 2.3 juta kepada tenaga kerja bukan warganegara bermaksud peniaga tempatan akan membayar RM6 billion setahun, jumlah yang sangat besar dan akan menyebabkan peraliran wang ke luar negara.

"Kita perlu faham bahawa pekerja tersebut turut diwajibkan untuk membayar caruman 11 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas William, ramai antara pekerja asing itu mungkin berada di Malaysia kurang dua tahun dan besar kemungkinan tidak dapat mengeluarkan wang caruman tersebut.

"Ini dilihat sebagai satu tindakan yang tidak adil kepada pekerja tersebut dan pada masa yang sama memberikan bebanan yang tidak perlu kepada PMKS," katanya.

Dalam Belanjawan 2025, rancangan mewajibkan pekerja bukan warganegara Malaysia mencarum kepada KWSP diumumkan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan cadangan itu akan dilaksanakan secara berperingkat.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Ahmad Zulqarnain Onn, dalam satu kenyataan pada Isnin berkata, perlindungan wajib bagi pekerja bukan warganegara Malaysia adalah selaras dengan usaha dana untuk memastikan semua pekerja mendapat akses kepada perlindungan sosial.

Beliau berkata, inisiatif itu akan memberikan keadilan yang lebih besar dalam pasaran buruh dengan memastikan perlindungan sosial untuk semua pekerja, tanpa mengira kewarganegaraan, selaras dengan piawaian antarabangsa.

"Pada masa ini, pekerja bukan warganegara Malaysia boleh memilih untuk mencarum kepada KWSP secara sukarela. Polisi baharu itu dijangka memanfaatkan lebih dua juta pekerja bukan warganegara Malaysia di Malaysia," katanya.

| Akhbar | Berita Harian |
|---|---|
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Rencana |
| Muka Surat | 12 |




# Belanjawan miliki dasar sedikit keras demi kesejahteraan rakyat

- Subsidi pukal bahan api, elektrik, air, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan keperluan asas diperoleh 15 peratus golongan 'maha kaya' dan warga asing akan dihentikan
- Dasar sedikit keras ini dapat jimatkan puluhan bilion ringgit yang kemudian boleh disalurkan ke sektor penting seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan infrastruktur awam




Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid
bhrencana@bh.com.my

Penyelidik Kumpulan Penyelidikan Kepimpinan & Kenegaraan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia


**Belanjawan** 2025 adalah bajet terakhir dibentang kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Kedua-dua belanjawan dibentangkan pada 2022 memberi kesan positif kepada ekonomi negara keseluruhannya.

Hampir semua petunjuk ekonomi berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), nilai ringgit, indeks Bursa Malaysia, jumlah nilai pelaburan, kadar inflasi dan Indeks Harga Pengguna (CPI) menunjukkan prestasi terbaik pasca pandemik.

Namun, Belanjawan 2025 masih menunjukkan kadar defisit fiskal sebanyak 3.8 peratus, namun kemampuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal berhemah dan disokong reformasi institusi sedikit sebanyak memberi kesan bermakna kepada kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran negara ketika ini.

Secara umumnya, sebanyak 85 peratus rakyat akan mendapat manfaat menerusi rasionalisasi subsidi bahan api, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan asas.

Selain itu, pelepasan cukai serta pelbagai insentif lain di sektor perkhidmatan, pertanian, pelancongan, perumahan dan perindustrian turut dinikmati rakyat terbanyak kecuali golongan 15 peratus (T15).

Pendek kata, sama ada secara langsung atau tidak, Belanjawan 2025 memberi impak kepada semua golongan masyarakat, secara horizontal mahupun vertikal.

Golongan berpendapatan rendah dan sederhana antara kumpulan sentiasa menjadi fokus serta perhatian kerajaan. Dengan iltizam menoktahkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup, golongan ini dianggap paling bertuah kerana memperoleh 'durian runtuh' setiap kali bajet dibentangkan.

Daripada RM58.2 bilion diperuntuk kerajaan, RM13 bilion akan diagihkan secara tunai kepada sembilan juta penerima. Pelbagai skim bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan bantuan tunai mencecah empat angka sebulan disediakan bagi meningkatkan kemandirian dan kehidupan golongan rentan untuk menjadi lebih mampan.

Selain itu, golongan ini turut dibantu pelbagai bantuan lain seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dengan jumlah RM250 juta. Sebanyak RM300 juta disediakan bagi tujuan Jualan Rahmah setiap bulan di semua Dewan Undangan Negeri (DUN).

Ekonomi MADANI sentiasa propetani, nelayan, penjaja dan peneroka kerana kebanyakan daripada mereka berpendapatan rendah serta terdedah kepada insiden kemiskinan, selain terdedah eksploitasi orang tengah dan manipulasi kartel.

Pelbagai insentif, bantuan dan program disediakan untuk golongan ini bermatlamat serampang dua mata iaitu meningkatkan kesejahteraan hidup lebih bermaruah dan membantu meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Memandangkan 80 peratus ekonomi domestik dipacu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), maka kerajaan menyediakan pelbagai insentif, bantuan kewangan dan program latihan serta nasihat untuk usahawan ini membesarkan skala perniagaan.

Sejumlah RM64.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan (KPM) dan RM18 bilion kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pelbagai program, inisiatif dan projek akan dilaksanakan, sekali gus meningkatkan akses pendidikan, capaian internet, baik pulih prasarana, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyediaan kurikulum masa hadapan berorientasikan penyelidikan.

Banyak manfaat turut dinikmati pekerja khususnya berada dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana. Pelbagai skim rasionalisasi subsidi, pelepasan cukai, kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan serta kemudahan awam lain bakal dinikmati mereka.

Kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 akan memberi manfaat kepada berjuta pekerja swasta termasuk jaminan keselamatan sosial di sektor informal dan ekonomi gig.

## Bumiputera bernasib baik

Golongan Bumiputera disifatkan sangat bertuah, bernasib baik dan sentiasa dipedulikan setiap kali belanjawan dibentangkan. Pada belanjawan kali ini, peruntukan sebanyak RM1.3 bilion disediakan untuk memperkasa kontraktor Bumiputera kategori G1-G4.

Perdana Menteri menekankan tiada satu negeri pun akan 'dianakfirikan' dan terasing daripada pembangunan. Maka, kerajaan akan mengagihkan bantuan kewangan berdasarkan keperluan kritikal mengikut negeri.

Matlamatnya untuk mengagihkan manfaat ekonomi secara adil merentas daerah, negeri dan wilayah. Justeru, semua negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak diluluskan *wish list* mendesak dan kritikal khususnya berkaitan infrastruktur serta kemudahan awam.

Sabah dan Sarawak menerima pemberian khas sebanyak RM600 juta, amat bermanfaat kepada rakyat di kedua-dua negeri dalam meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran hidup, terutama di kawasan kurang membangun dan terpencil.

Kerajaan turut menyediakan RM45.3 bilion kepada Kementerian Kesihatan (KKM), kedua tertinggi selepas KPM. Maka, beberapa projek hospital baharu, penambahbaikan prasarana sedia ada, pusat pembedahan, pengawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, pembelian ubat-ubatan dan penyelidikan berkaitan penyakit kritikal dapat diwujudkan.

Bagaimanapun, golongan T15 dan warga asing bakal terkesan dengan belanjawan tahun depan. Subsidi pukal bahan api, elektrik, air, perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan barangan keperluan asas diperoleh 15 peratus golongan 'maha kaya' dan warga asing akan dihentikan.

Ketika negara dibebani tanggungan hutang sebesar 64 peratus daripada KDNK dan hasil negara berkurangan kerana produktiviti rendah, subsidi pukal untuk golongan maha kaya wajar ini ditarik balik.

Walaupun segelintir pihak berpandangan keputusan kerajaan ini seperti menafikan hak golongan maha kaya yang turut membayar cukai dan merangsang ekonomi negara, namun keputusan ini wajar kerana situasi kewangan negara tidak mengizinkan.

Justeru, dasar sedikit keras ini dapat menjimatkan berpuluh-puluh bilion ringgit yang kemudian boleh disalurkan ke sektor penting seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan infrastruktur awam.

Harapan rakyat supaya setiap sen peruntukan terbesar Belanjawan 2025 berjumlah RM421 bilion dibelanja dan diagihkan secara telus dan bertanggungjawab.

Kerajaan perlu buktikan kepada rakyat bahawa falsafah dan kerangka Ekonomi MADANI disulam dalam belanjawan bukan muluk-muluk dan suatu retorika.



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 6 |

Sinar harian TELUS & TULUS




# Perbaharui struktur gaji ikut kelulusan

## Penetapan gaji minimum RM1,700 sebagai tanda syarikat boleh pertimbang struktur gaji baharu

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Majikan disaran memperbaharui struktur gaji mengikut kelulusan ekoran kerajaan menetapkan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 berkuat kuasa 1 Februari 2025.

Pensyarah Bidang Pengurusan Sumber Manusia di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Abdul Rahim Zumrah berkata, penetapan tersebut adalah tanda bahawa syarikat boleh mempertimbangkan struktur gaji baharu dengan mengambil kira aspek kelulusan.

"Dalam hal ini, kerajaan hanya menyentuh 'akar' dengan penetapan gaji asas baharu daripada RM1,500 kepada RM1,700. Ini adalah signal kepada majikan untuk turut menaikkan gaji pekerja mengikut kelayakan mereka (kelulusan pekerja).

"Pihak kerajaan tidak boleh menetapkan gaji minimum berdasarkan kelulusan kerana kemampuan kewangan setiap majikan adalah berbeza.

"Sebagai contoh tidak adil jika kerajaan menetapkan RM2,500 bagi kelulusan ijazah sarjana muda kerana ada syarikat yang mampu membayar lebih daripada amaun berkenaan. Begitu juga ada syarikat yang tidak mampu atas faktor kewangan," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong telah mengingatkan kepada majikan untuk tidak meletakkan kenaikan kadar gaji minimum sebagai gaji permulaan kepada pekerja di semua sektor pekerjaan terutama graduan lepasan universiti.



ABDUL RAHIM

Menurutnya, gaji minimum adalah bukan gaji permulaan ditetapkan kepada semua pekerja khususnya graduan sebaliknya ia merupakan gaji dibayar kepada pekerja asas dengan kelayakan akademik rendah termasuk sektor kotor, bahaya dan sukar (3D).

Mengulas lanjut, Abdul Rahim berkata, walaupun kerajaan tidak menyentuh secara terus terhadap setiap tahap kelulusan pendidikan, namun majikan perlu cakna hal berkenaan.

Jelasnya, jika tidak berbuat sedemikian maka ia akan menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja kerana jurang gaji tidak signifikan antara pekerja yang memiliki perbezaan kelulusan.

"Hal ini tidak boleh pandang ringan. Majikan perlu mempertimbangkan struktur gaji baharu di semua peringkat (kelulusan) tidak kira berapa sahaja kenaikan itu, janji ada perubahan (pertambahan gaji) dan perbezaan signifikan berdasarkan kelulusan," ujarnya.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | Sinar Harian |
| --- | --- |
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 6 |

# 'Gaji minimum RM1,700 beri kesan besar kepada PMKS'

SIDANG PARLIMEN

**KUALA LUMPUR** - Pengumuman gaji minimum bulanan daripada RM1,500 kepada RM1,700 bermula tahun depan akan memberi kesan besar terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, ini kerana kenaikan tersebut melibatkan jumlah yang agak tinggi.

"Kenaikan secara mendadak RM200 bukan saja melibatkan gaji minimum semata-mata, ia turut menggerakkan setiap gred tangga gaji setiap pekerja di dalam syarikat tanpa mengira sama ada terdapat anjakan produktiviti.

"Malah yang paling terkesan ialah PMKS yang banyak bergantung kepada pekerja asing kerana pengiraan OT (kerja lebih masa) setiap pekerja asing berdasarkan gaji pokok yang lebih tinggi.

"Kesannya kos pengeluaran akan meningkat," katanya ketika sesi Perbahasan Peringkat Dasar Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ka Siong yang juga Presiden MCA berkata, pengumuman terbaharu itu juga turut memberi beban berganda memandangkan dasar gaji progresif turut dilaksanakan pada tahun depan.

Sehubungan itu, beliau turut membangkitkan persoalan mengenai usaha kerajaan untuk membantu sektor PMKS yang terkesan akibat pelaksanaan tersebut.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Sinar Harian** |
| **Tarikh** | **23 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Nasional** |
| **Muka Surat** | **6** |

# Kenaikan gaji minimum tingkat kualiti hidup pekerja - SERI

**SHAH ALAM** - Langkah kerajaan menaikkan gaji minimum kepada RM1,700 meningkatkan kualiti hidup pekerja di seluruh negara di samping mengiktiraf cabaran dihadapi perniagaan kecil dengan memperkenalkan perubahan berperingkat.

SERI

SOCIAL & ECONOMIC RESEARCH INITIATIVE

Inisiatif Penyelidikan Sosial dan Ekonomi (SERI) dalam satu kenyataan berkata, rancangan kerajaan untuk menaikkan gaji minimum penting bagi memastikan semua rakyat Malaysia yang bekerja menerima pampasan yang adil.

Menurutnya, untuk menyokong perniagaan kecil, penangguhan sementara keperluan gaji minimum untuk perusahaan mempunyai kurang daripada lima pekerja telah dicadangkan yang akan berkuat kuasa sehingga 1 Ogos 2025.

"Keputusan strategik ini bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara melindungi hak pekerja dan membolehkan perniagaan kecil menyesuaikan diri tanpa beban tidak sepatutnya," katanya pada Selasa.

Ujarnya lagi, SERI percaya menyediakan garis panduan gaji minimum komprehensif untuk semua sektor seperti dijanjikan Kementerian Sumber Manusia akan memperkasakan pekerja dengan pengetahuan tentang gaji yang adil.

Dalam pada itu, organisasi tersebut juga menggalakkan pemilik perniagaan kecil untuk melibatkan diri dengan garis panduan berkenaan bagi memupuk persekitaran kerja menyokong sambil terus berkembang maju dalam persaingan pasaran.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Sinar Harian** |
| **Tarikh** | **23 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Nasional** |
| **Muka Surat** | **7** |

TELUS & TULUS **Sinar harian**



# TVET bukan sekadar kerja

## Graduan TVET menjadi rebutan majikan, penuhi kehendak pasaran




"Pelaksanaan inisiatif seperti Akademi Dalam Industri mampu memenuhi permintaan tenaga kerja dari industri serta mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing." - *Tengku Zafrul*

Peruntukan besar sebanyak RM6.8 bilion dalam Belanjawan 2024 bagi memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menunjukkan betapa pentingnya ia bagi negara.

Jumlah itu merangkumi RM100 juta bagi menyediakan pensijilan profesional yang diiktiraf industri kepada graduan TVET dan sebagai insentif kepada industri untuk bekerjasama dengan institusi TVET awam.

Penyediaan graduan TVET penting kerana industri Malaysia bakal mempunyai ratusan ribu peluang pekerjaan bergaji tinggi dalam sektor yang digalakkan seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, kimia dan petrokimia, ekonomi digital serta farmaseutikal seperti yang digariskan oleh Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Sektor ini memerlukan tenaga kerja teknikal bagi memacu pembangunan industri dan ekonomi Malaysia seterusnya.

Salah satu usaha merombak pendidikan TVET negara melalui kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta adalah program Akademi Dalam Industri yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Ia bertujuan untuk menyediakan kemahiran sambil bekerja dalam tempoh sehingga 18 bulan dengan peruntukan RM70 juta manakala RM30 juta sebagai galakan kepada pihak industri untuk melatih tenaga kerja tempatan.

Apa yang berlaku menunjukkan pendidikan kini bukan lagi sekadar di dewan kuliah, tetapi di bengkel, makmal dan lapangan kerja.

Perubahan pasaran ekonomi dunia menunjukkan TVET kini bukanlah pilihan kedua kerana realitinya berbeza dengan permintaan pasaran kerja yang semakin memerlukan kemahiran praktikal.

Bagi lepasan graduan TVET pula, bidang ini membuka lebih banyak peluang dalam memperbaiki kehidupan, selain menambah baik ekonomi mereka.

Muhammad Zulhelmi Baharuddin, 22, misalnya, kini berpeluang bekerja di sebuah syarikat multinasional sebagai operator pengeluaran di DRB-HICOM, Pahang sebagai pemeriksa kualiti kereta Mercedes-Benz.

Dia yang sebelum ini bekerja di sebuah pasar raya bersyukur kerana diberi peluang melalui program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 bahagian kualiti.

"Saya pilih TVET sebab ia menawarkan pelbagai kursus yang sesuai dan memberikan fokus kepada keperluan industri serta menyediakan tenaga kerja yang kompeten.


AZLINA


MOHAMMAD FAIRIL


BUGS TAN

"Melalui TVET, saya dapat mempelajari kemahiran teknikal yang boleh diadaptasikan terus di tempat kerja dan diperlukan oleh industri," jelasnya.

Muhammad Afiq Asman, 28, yang kini bekerja di sebuah syarikat automotif dan kejuruteraan tempatan, MAG Auto Garage Services Sdn Bhd di Seremban, Negeri Sembilan merupakan antara produk kelahiran TVET.

"Jiwa saya lebih kepada 'hands-on', jadi saya ambil keputusan untuk menjadi perantis di syarikat ini. Saya mengikuti SLDN dan memiliki Sijil SKM Tahap 2 dalam perkhidmatan pembaikan kenderaan ringan.

"Sebelum bekerja di sini, saya tidak tahu langsung tentang mesin, kimpalan dan asas servis kereta tetapi sekarang ini semuanya saya sudah boleh buat," katanya.

Sementara itu, Lee Wai Mun, 23, pula rasa amat bertuah kerana dapat bekerja di salah sebuah syarikat pembungkusan terbesar di rantau ASEAN iaitu Kian Joo Can Factory Berhad.

Menurutnya, dia bersyukur kerana kelulusan yang dimiliki iaitu SKM bahagian grafik dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 memberikan kelebihan kepadanya untuk bekerja di syarikat besar, sesuatu yang tidak pernah difikirkannya.

"Selepas habis persekolahan, saya memang ada buat kajian tentang peluang dalam melanjutkan pelajaran. Kos belajar TVET ini lebih murah, dapat elaun dan peluang kerja yang besar dalam pasaran.

"Saya sendiri dan rakan-rakan di syarikat ini yang berkelulusan TVET dalam bidang penyelenggaraan mesin, elektronik, percetakan, mekanikal dan berkaitan makanan adalah bukti kejayaan program itu sendiri," jelasnya.

### Kemahiran pekerja TVET jadi buruan majikan

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, peningkatan kemahiran para pekerja adalah asas kepada reformasi industri Malaysia.

"NIMP menyasarkan penciptaan 700,000 peluang pekerjaaan berkemahiran tinggi dalam sektor pembuatan menjelang tahun 2030.

"Pelaksanaan inisiatif seperti Akademi Dalam Industri mampu memenuhi permintaan tenaga kerja dari industri serta mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing," kata Zafrul.

Lepasan TVET juga sering menjadi pilihan majikan kerana kemahiran yang dimiliki, selain mempunyai gerak kerja yang mantap.

Perkara itu diakui Pengarah MAG Auto Garage Services Sdn Bhd, Dr Azlina Ahmad, yang mana 16 daripada 20 pekerja di syarikatnya yang berasaskan automotif dan kejuruteraan adalah lepasan TVET.

Lebih menarik, mereka mempunyai SKM Tahap 1 hingga 3, malah ada antaranya lulusan tahfiz yang dilatih untuk menjadi 'tuner' motosikal dan mekanik serta ada yang memiliki diploma komputer.

"Graduan TVET sering menjadi pilihan kerana mereka dilihat sebagai tenaga kerja yang sangat berharga dalam industri. Industri kini, antaranya sektor automotif, pembinaan, kejuruteraan, dan pembuatan sangat memerlukan pekerja yang boleh 'hands-on'.

"Graduan TVET datang dengan kemahiran yang tepat pada masa yang tepat, membantu memenuhi kekurangan tenaga kerja terlatih yang dihadapi banyak industri," katanya.

Ditanya penilaian terhadap graduan TVET di pasaran kerja, beliau menjelaskan ada beberapa kriteria termasuk kemahiran teknikal dikuasai, kebolehan bekerja dalam pasukan dan sejauh mana mereka boleh beradaptasi dengan teknologi baharu.

Eksekutif Pengurusan Bakat HICOM Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd, Tc Mohammad Fairil Din @ Samsudin berkata, terdapat 24 graduan TVET yang kini bersama syarikat itu dan bekerja sebagai operator, juruteknik serta pembantu teknikal.

Jelasnya, graduan TVET menjadi pilihan kerana kemahiran dan dilatih bersesuaian dengan industri.

Disebabkan itu, pasaran kerja untuk mereka amat besar kerana banyak sektor di negara ini yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran.

### TVET sebagai persediaan masa depan

Pemenang 18 anugerah kebangsaan untuk kreativiti dan inovasi di Malaysia dan luar negara, Dr Bugs Tan melihat TVET sebagai persediaan untuk masa depan negara.

Menurutnya, elektronik kini menjadi salah satu sektor utama di Malaysia dan sangat penting untuk pembangunan industri dan ekonomi negara.

"Seiring dengan itu, ada banyak pembangunan dan pelaburan daripada dalam dan luar negara yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran. Disebabkan itu, TVET amat penting, atau ada pelabur tetapi tiada tenaga kerja, kita tak boleh merealisasikannya.

"Dalam TVET ada peranan sosialnya untuk membuka jalan kerjaya kepada mereka yang mungkin tiada hala tuju selepas habis persekolahan. Kerajaan mulakan pendekatan SLDN, yang mana membantu mereka belajar dan bekerja pada masa yang sama," jelasnya yang juga Ketua Pendidikan Kemahiran TVET di Kolej ViTrox.


MUHAMMAD ZULHELMI


MUHAMMAD AFIQ


LEE WAI MUN

| Akhbar | Sinar Harian |
|---|---|
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | Cetusan |
| Muka Surat | 17 |



# Gaji oh gaji



KISAH SEMINGGU

DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

Sejak Belanjawan 2025 diumumkan, topik paling kerap saya dengar ialah tentang gaji minimum. Mengikut logik, yang patut bercakap mengenainya dan sekali gus meraikannya tentulah golongan pekerja atau bakal pekerja.

Tetapi pengamatan di sana sini mendepankan saya dengan realiti berbeza. Yang banyak bercakap dan agak kuat ialah majikan, manakala yang tumpang bercakap tetapi agak perlahan pula golongan peniaga.

"Berat ni, nampak pada mata kasar memanglah RM1,700 sahaja tetapi cuba campur KWSP, PERKESO, EIS, campur tolak dekat RM2,000 juga.

"Itu belum termasuk kos cuti tahunan, cuti sakit, cuti umum. Kalau dikira kesemuanya dah RM2,300 lebih." Itu antara dialog yang pernah saya dengar.

"Pada penghujungnya majikan akan menyerap kos kenaikan gaji minimum itu ke dalam harga barang. Sana naik sikit, sini naik sikit, akhirnya kalau tak dapat tambahan untung pun, akan kembali ke asal yakni balik modal." Itu kenyataan yang pernah saya baca di media sosial.

"Akhirnya yang membayar kenaikan gaji minimum itu bukan majikan tetapi kita semua, pengguna. Dalam kalangan kita pula, paling terjejas ialah pengguna yang bekerja sendiri," kata seorang kawan saya, pemerhati politik yang gerak gerinya sentiasa diperhati isteri sendiri.

"Yang paling untung pula bukan pekerja tetapi peniaga. Dengan naiknya gaji minimum pekerja bermakna terbuka lagi satu peluang untuk mereka menaikkan harga," katanya lagi. Semua itu saya dengar, kemudian saya biarkan masuk telinga kiri, keluar telinga kanan. Tiada yang pelik di sebalik kenyataan itu.

Lebih dua setengah tahun lepas ketika bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kenaikan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 untuk syarikat mempunyai lima pekerja dan lebih, saya percaya kita pernah mendengar cerita dan dialog hampir sama.

Kita dapat dengar keluhan majikan, kita dapat dengar cerita mereka akan menyerap kos dengan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan dan kita dapat membaca berita tentang peniaga yang menahan lukah serta bubu besar.

Yang tidak pelik itu hanya akan menjadi pelik jika majikan marah-marah kepada kerajaan sebab menaikkan gaji minimum itu hanya RM200 iaitu daripada RM1,500, bukannya lebih daripada itu.

"Sepatutnya naikkanlah RM500 atau RM1,000, barulah pekerja seronok dan lebih bermotivasi." Memang sangat pelik kalau mereka berkata begitu. Dan memang luar biasa jika setiap kali kerajaan mengumumkan kenaikan gaji, peniaga berlumba-lumba menurunkan harga barang sebagai tanda menghargainya.

Seperkara lagi yang tidak pelik apabila menyentuh soal gaji minimum tentulah sikap sebahagian majikan yang akan memberi pelbagai alasan untuk menangguhkan pelaksanaannya.

Sebab itu selepas lebih dua tahun pengumuman gaji minimum RM1,500 masih terdapat ramai pekerja dibayar rendah daripada kadar tersebut. Dan bukan semua datang daripada syarikat yang mempunyai lima pekerja ke bawah.

Ada syarikat besar, yang taukenya berkereta berbesar-besar (maksudnya, banyak kereta besar) membayar gaji tukang kebun RM1,000 sebulan dan saya pernah jumpa pekerja restoran dibayar RM950 sahaja. Saya yakin perkara sama akan berulang.

Akan ada pekerja hanya dapat melihat atau mendengar pekerja lain menerima RM1,700 sebulan sedangkan dia terpaksa bekerja enam minggu atau lebih untuk mendapatkan jumlah sama. Lebih buruk kalau jumlah yang sedikit itu pun dibayar secara ansur-ansur.

Sebenarnya apa juga perkara, selagi berkaitan dengan wang ringgit, kepelikannya akan hilang dengan sertamerta. Duit ringgit mempunyai kuasa luar biasa untuk mengubah sesuatu. Contoh mudah, kisah seorang saudara jauh saya yang berkata begini ketika PM kesembilan umum kenaikan gaji minimum: "Alhamdulillah, kenaikan RM300 besar maknanya bagi orang macam kami. Macam-macam boleh ditampung dengan kenaikan itu. Bagi diri saya, selepas ditolak itu dan ini, dapat jugalah simpan RM50 sebulan. Kalau dulu tak merasa boleh menabung. Berhutang adalah."

Dan tiga hari lepas dia berkata: "Alhamdulillah, kenaikan RM200 besar maknanya bagi orang macam kami. Macam-macam boleh ditampung dengan kenaikan itu. Bagi diri saya, selepas ditolak itu dan ini, dapat jugalah simpan RM50 sebulan. Kalau dulu tak merasa boleh menabung. Berhutang adalah."

Sejujurnya saya hanya menukar angka RM300 kepada RM200 dalam ayat itu, selebihnya saya salin dan tampal sebab dialognya juga kedengaran salin dan tampal. Jangan rasa pelik sebab seperti yang saya katakan, dalam soal wang ringgit tiada apa yang pelik.

Jadi apa yang pelik? Dua perkara iaitu pertama, pekerja berlumba-lumba bekerja secara maksimum selepas mendapat gaji minimum dan kedua, ahli politik terutama menteri berlumba-lumba hendak mengikut jejak Perdana Menteri, bekerja tanpa mengambil gaji...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik dan bekas wakil rakyat*

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **New Straits Times** |
| **Tarikh** | **23 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **Business Times** |
| **Muka Surat** | **5** |

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

PLANTATION FIRMS

# 'Higher minimum wage, EPF contribution may raise production costs'

**KUALA LUMPUR:** The introduction of a higher minimum wage as well as implementation of a multi-tiered levy mechanism and mandatory Employees Provident Fund (EPF) contribution for foreign workers are expected to raise production costs for palm oil producers in the short term.

But CIMB Securities said while these measures, as announced in the 2025 Budget, posed challenges for upstream planters, the higher windfall profit levy (WPL) price threshold was a positive.

"This impact (on upstream planters) will be partially offset by the increased price threshold for the WPL. Our rough estimate suggests that the net negative earnings impact on companies under our coverage could range from 1.5 per cent to 4.1 per cent," it said in a note yesterday.

The research firm added that planters most sensitive to these policy changes were pure upstream operators in Malaysia with lower earnings bases.

In the medium to long term, these measures are expected to benefit progressive plantation companies that can achieve superior crude palm oil (CPO) yields compared to their peers and competing crops.

"Additionally, agricultural machinery suppliers or farm equipment manufacturers may benefit, as higher labour costs and tax incentives for automation could drive planters to accelerate mechanisation efforts and reduce dependency on foreign labour," it added.

The government has proposed to increase the CPO price threshold for the imposition of WPL by RM150 per tonne to RM3,150 in Peninsular Malaysia and RM3,650 in Sabah and Sarawak, effective on Jan 1.

The WPL rate for fresh fruit bunches will remain at three per cent.

"But while this is a positive development, it falls short of our expectation for the threshold price to be raised to RM4,000 for Peninsular Malaysia and RM4,500 for Sabah and Sarawak," it said.

It also said the higher export duty for CPO came as a surprise and would impact upstream planters who export CPO as it narrowed the price differential against Indonesian firms.

However, CIMB Securities said this change would benefit downstream players, such as Malaysian refiners and oleochemical producers, by improving their competitiveness against Indonesia's downstream producers, given the higher export tax differential between processed palm oil (PPO) and CPO in Malaysia after the revision.

"Additionally, CPO exports from Sabah and Sarawak will continue to enjoy the reduced export duty, as they will still pay only 70 per cent of the gazetted rate."

Meanwhile, it said the minimum wage hike would raise labour costs for upstream planters as they would need to adjust the wages of some general workers.

However, fruit harvesters would not be affected as they were already paid above the minimum wage, it added.

CIMB Securities views the multi-tier levy on foreign workers as a negative, although it is unlikely to materially impact earnings.

"Currently, the levy on foreign workers in the plantation sector is RM640 per annum. Based on initial estimates, every RM100 increase reduces our net profit estimates for the companies under our coverage by 0.1 per cent to 0.3 per cent," it added.

The mandatory EPF contributions for foreign workers is also negative for plantation companies.

"Our initial assessment is that the two per cent EPF contribution rate in the early years will not be too burdensome, but the cost will progressively rise over the next six years to match the 12 to 13 per cent contribution required for Malaysian employees.

"This will increase production costs unless worker productivity improves. We estimate that the potential impact of a two per cent EPF contribution for foreign workers to negatively affect earnings per share by 0.4 per cent to 1.3 per cent," it added.



*CIMB Securities says a two per cent Employees Provident Fund contribution for foreign workers will negatively affect planters' earnings per share by 0.4 per cent to 1.3 per cent.* NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

YOUR OPINION

EMAIL editor@thestar.com.my or MAIL The Editor, Menara Star, 15, Jalan 16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya. Letters must carry the sender's full name, address and telephone number. A pseudonym may be included.

# Ensure wage increase benefits all

THE decision to increase the minimum wage from RM1,500 a month to RM1,700, as announced in Budget 2025, is a significant and timely one. This is more than just numbers on a pay slip – it represents a commitment to ensuring that workers enjoy a better quality of life.

However, this policy must also address the concerns of businesses, particularly small and medium enterprises (SMEs), that are likely to face serious challenges from rising labour costs.

While a higher minimum wage is an important step towards improving workers' livelihoods, it may also lead to increased operational costs for businesses, particularly SMEs. This could result in price adjustments, which may reduce the intended benefits for workers if inflation outpaces wage growth.

Historically, Malaysia has experienced a link between minimum wage hikes and inflation, as demonstrated by previous increases in the Consumer Price Index. Simply raising wages does not guarantee improved living standards if inflation continues to rise unchecked.

Therefore, it is crucial for the government to take a balanced approach, one that supports both the well-being of workers and the sustainability of businesses.



**Low:** 'It is crucial for the government to take a balanced approach, one that supports both the well-being of workers and the sustainability of businesses.'



By considering potential ripple effects and working closely with industry stakeholders, we can ensure the policy achieves its goals without unintended consequences.

The government should consider engaging financial experts and economists to assess the full impact of wage increases on the broader economy. A thorough analysis will help avoid unintended consequences, such as pushing up the cost of goods and services, which could erode workers' purchasing power and place further strain on employers.

To ensure a smooth transition, a well-structured, phased implementation of the wage increase is recommended, particularly for SMEs that may need additional time to adjust their financial strategies.

We also recommend the consideration of a tiered minimum wage system that adjusts based on the size of the business, sector, or geographical region. This would give businesses in smaller towns and rural areas, or those with limited margins, additional time to adjust while ensuring wage fairness nationwide.

The government could introduce targeted support measures such as tax incentives, wage subsidies, or financial relief specifically designed for them.

Incentives to encourage investment in automation and digital transformation are recommended. By leveraging technology, businesses can streamline operations and mitigate the impact of rising labour costs, while staying competitive in a rapidly evolving market.

To promote sustainable wage growth, we propose the exploration of a productivity-linked wage system, especially in labour-intensive sectors. Tying wage increases to productivity improvements would help balance wage costs with business output, ensuring long-term economic health.

It is important to recognise that when fair wages are implemented correctly, they can benefit the economy as a whole. When workers are paid fairly, their spending power increases, which in turn stimulates local businesses, and strengthens communities.

This wage increase has the potential to not only help workers thrive but also uplift the broader economy by encouraging higher consumption and fostering economic resilience.

In the end, this increase must strike a delicate balance through thoughtful consideration of the needs of all sectors within Malaysia's workforce. With careful planning and the right support, we can ensure that this wage increase benefits both workers and employers, enhancing livelihoods and promoting financial stability across the board.

**DATUK LAWRENCE LOW**
**MCA vice president**
**MCA Economic & SMEs Affairs Committee chairman**

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **The Star** |
| **Tarikh** | **23 Oktober 2024** |
| **Ruang** | **News** |
| **Muka Surat** | **9** |



# Mixed prospects for firms

## Improved minimum wage to offset higher WPL level

**PLANTATIONS**

> "Agricultural machinery suppliers or farm equipment manufacturers may benefit, as higher labour costs and tax incentives for automation could drive planters to accelerate mechanisation efforts and reduce dependency on foreign labour."
>
> CIMB Securities Research

**PETALING JAYA:** The imposition of the higher windfall profit levy (WPL) price threshold under Budget 2025 measures will be positive for plantation companies.

However, this will be offset by higher costs from revisions in the minimum wage, export duty structure, foreign worker levies and mandatory Employees Provident Fund (EPF) contributions for foreign workers.

CIMB Securities Research in a report said overall, the latest budget measures are negative for upstream planters in the short term.

"Our rough estimate suggests that the net negative impact on earnings of plantation companies under our coverage to be 1.5% to 4.1%.

"The research house noted planters most sensitive to these potential policy changes will be pure upstream operators in Malaysia with a lower earnings base.

"In the medium to long term, we believe these measures will benefit progressive plantation companies that can achieve superior crude palm oil (CPO) yields compared to their peers and competing crops, helping to offset rising costs.

"Agricultural machinery suppliers or farm equipment manufacturers may benefit, as higher labour costs and tax incentives for automation could drive planters to accelerate mechanisation efforts and reduce dependency on foreign labour," explained CIMB Research.

In addition, the research house said it will adjust its earnings forecast pending clarification on the budget measures and company responses.

CIMB Research has maintained an "overweight" rating on the sector with SD Guthrie Bhd, IOI Corp Bhd, Hap Seng Plantations Holdings Bhd and Ta Ann Holdings Bhd as its top picks, given their attractive asset valuations.

On the WPL threshold price, which is raised by RM150 per tonne to RM3,150 per tonne for Peninsular Malaysia and RM3,650 per tonne for Sabah and Sarawak, CIMB Research noted this change will take effect on Jan 1, 2025 with the WPL rate remaining at 3% for fresh fruit bunches.

"While this is a positive development, it falls short of our expectation for the threshold price to be raised to RM4,000 per tonne for Peninsular Malaysia and RM4,500 per tonne for Sabah and Sarawak," the research house noted.

This expectation was based on the industry proposal to reflect higher CPO production costs of RM2,800 to RM3,000 per tonne, it said.

"We estimate that this measure will be positive for planters, with a potential earnings per share upside of 0.7% to 2%."

Meanwhile, the new export duty structure that introduces additional tiers and raises duty rates by up to two percentage points to 10%, particularly for CPO prices above RM3,450 per tonne, came as a surprise for planters.

This will impact upstream planters who export CPO as they will face higher export duties, reducing their export competitiveness against Indonesia due to the narrowing differential in CPO export taxes, the research house pointed out.

"We view this policy as neutral for integrated players such as IOI, SD Guthrie, Kuala Lumpur Kepong Bhd and Genting Plantations Bhd.

"It will be positive for downstream players, namely, Wilmar International Ltd and the Mewah Group.

"And negative for upstream players like Hap Seng Plantations and Ta Ann due to the higher export duty burden," it said.

Another unexpected budget measure is raising the minimum wage by RM200 per month to RM1,700 per month, effective Feb 1, 2025.

"But, we believe the RM200 per month increase is manageable and is lower than some of the proposals reported in the media, which ranged from RM2,000 per month and above.

"This increase will likely raise labour costs for upstream planters, as they will need to adjust the wages of some general workers who currently earn the minimum wage," CIMB Research noted.

"Based on our rough estimate, assuming around 70% of workers will be affected by the wage hike, we estimate the potential impact on earnings to plantation companies to be between 1.7% and 4.5%."

As for the multi-tier foreign workers levy, CIMB Research viewed this as a negative development, but it is unlikely to materially impact earnings.

"We do not anticipate a significant increase in the foreign workers' levy for the plantation sector," the research house added.

Currently, the foreign workers' levy for the plantation sector is RM640 per annum.

"Based on our initial estimates, every RM100 per annum increase in the foreign workers' levy would reduce our net profit estimates for companies under our coverage by 0.1% to 0.3%," it noted.

The budget measure on the mandatory EPF contributions for foreign workers is also negative for plantation companies, as they may not have accounted for the employer share of EPF contributions for foreign workers.

According to CIMB Research, it remains unclear when this proposal will become mandatory.

"Our initial assessment is that the 2% EPF contribution rate in the early years will not be too burdensome, but the cost will progressively rise over the next six years to match the 12% to 13% contribution required for Malaysian employees," it said.

| | |
|---|---|
| Akhbar | The Sun Daily |
| Tarikh | 23 Oktober 2024 |
| Ruang | National |
| Muka Surat | 3 |

# AI surge triggers job loss fears, calls for worker support

## Experts highlight importance of reskilling as technology transforms industries, workforce

BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The increasing adoption of artificial intelligence (AI) by companies, which poses a significant risk of displacing a large portion of the workforce, has prompted calls for emphasis on helping affected workers maintain employment.

According to the Statistics Department, there were 558,500 unemployed individuals in Malaysia as of August.

The situation may become severe as the implementation of AI leads to a reshaping of the job market.

Concerns have particularly grown following the recent decision by TikTok to lay off 481 employees in Malaysia as part of a global workforce reduction as the social media platform shifts its focus to increased use of AI in content moderation.

The move has primarily affected employees involved in content moderation, who were informed of their layoffs via email earlier this month.

Universiti Sains Islam Malaysia human resources and development lecturer Assoc Prof Dr Abdul Rahim Zumrah said the rise of AI will inevitably impact job roles in the tech industry.

He said the current situation could contribute to a higher unemployment rate as compensation is one of the biggest liabilities for companies.

"To reduce this liability, many organisations will opt for more cost-effective alternatives, such as AI, to replace employees," he told *theSun*.

"While technology and innovation are unavoidable, profit-driven companies focus on cutting costs, with one key strategy being to minimise their workforce."

Abdul Rahim said some big companies were willing to invest in technology if it could deliver the same output or service as human workers.

He stressed that laid-off individuals may face significant challenges when seeking new employment, particularly due to the intense competition in today's job market.

"The main obstacle is often related to salary expectations, which can be a major barrier when applying for positions at other organisations," he said.

"While their work experience may not be an issue, the real challenge lies in whether they are willing to accept a lower salary or a reduced position in order to secure a new job."

International Islamic University Malaysia Department of Mechatronics Engineering associate professor Dr Yasir Mohd Mustafah said the layoffs by TikTok highlight the growing impact of AI on jobs and in this case content moderation work where AI is increasingly able to recognise inappropriate content.

"This shift by TikTok, while increasing their efficiency, might remove an important aspect of human understanding of local cultural context to the task, which could later bring problems to the company.

"Nonetheless, Malaysians need to acknowledge this trend brought by AI, especially in digital service industries, and must work hard to improve their knowledge on AI-related fields and find ways to adapt to new roles."

Yasir said the future of jobs will likely hold a hybrid model of human and AI collaboration.

"While AI handles routine tasks such as quick filtering of digital content, humans will focus on complex analyses and issues requiring critical thinking, empathy and cultural understanding," he said.

Malaysian Animation Educators Association president Assoc Prof Ahamad Tarmizi Azizan said while AI has become an efficient tool in moderating content, it is still far from perfect.

He said AI often struggles with nuanced contexts, cultural sensitivities or sarcasm, which may cause misinterpretation and inappropriate flagging or censoring.

"Therefore, human oversight remains essential to ensure that AI-driven content moderation systems function effectively and ethically.

"This oversight is crucial for addressing complex cases, reducing biases in AI decisions and ensuring that the moderation process aligns with ethical standards and user expectations," he said.

Ahamad Tarmizi added that the shift toward AI in content moderation will inevitably transform roles within the tech industry, with repetitive, high-volume tasks largely delegated to AI systems.

He stressed that deploying AI in content moderation raises significant ethical concerns, including algorithms that may inherit or even amplify biases present in their training data, leading to discriminatory or inconsistent moderation.



Yasir said human oversight remains essential to ensure that AI-driven content moderation systems function effectively and ethically. – *MASRY CHE ANI/THESUN*